

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD
TAHIR
KAWASAN : TEMERLOH

SOALAN NO. 310

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa ramai pelatih Akedemi Binaan Malaysia yang telah menceburkan diri dalam bidang pembinaan. Sejauh mana akademi ini telah berupaya untuk menyediakan tenaga kerja mahir tempatan dalam usaha Kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja warga asing dalam pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui agensi di bawah seliaannya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai enam (6) Akademi Binaan Malaysia (ABM) telah melatih seramai 34,050 pelatih belia bagi Program Latihan Kompetensi Kemahiran Belia dan seramai 103,934 personel binaan bagi Program Latihan Kompetensi Personel Binaan dari tahun 2015 hingga Mac 2020. Pelaksanaan latihan kompetensi kemahiran belia dan personel binaan CIDB adalah lebih fokus kepada latihan kompetensi kemahiran berimpak tinggi seperti *Welding, Scaffolding Erection, Air-Conditioning & Ventilation, Wireman, Chargeman, Gas Pipe Fitting, Blasting & Painting, Non Destructive Testing (NDT), Crane Operation, Plant Operation* dan *Plumbing*. Bagi pelatih-pelatih yang telah menamatkan latihan dan melalui proses penilaian dengan jayanya, mereka akan dianugerahkan dengan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) sepertimana yang diperuntukkan oleh Akta 520.

Sebagai satu inisiatif dalam meningkatkan peluang penyerapan pelatih binaan ke dalam industri pembinaan, CIDB telah melaksanakan Program Perantisan (*Apprenticeship Programme*). Melalui program ini, pelatih yang telah menamatkan latihan akan ditempatkan dengan majikan bagi tempoh tiga (3) bulan. Dalam tempoh ini, pelatih akan mendapat pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka pelajari untuk dipraktikkan apabila mereka bekerja di dalam industri. Dari tahun 2016 hingga Mac 2020, seramai 4,050 perantis telah mengikuti Program Perantisan Industri Pembinaan.

Sekian, terima kasih.